



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
INDEKS KOS BAHAN BINAAN
FEBRUARI 2024

Indeks harga seunit besi mencatatkan peningkatan antara 0.1 peratus hingga 1.9 peratus pada Februari 2024

PUTRAJAYA, 8 Mac 2024 – Pada hari ini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, FEBRUARI 2024**. Penerbitan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan utama dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan indeks harga seunit besi merekodkan peningkatan kecil iaitu antara 0.1 peratus hingga 1.9 peratus bagi kebanyakan kawasan pada Februari 2024 berbanding Januari 2024. Peningkatan tertinggi harga seunit besi dicatatkan di Kota Kinabalu (1.9%), diikuti oleh Terengganu & Kelantan dan Sibu (masing-masing 0.7 peratus).

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan bahawa perbandingan bulanan bagi indeks harga seunit keratan keluli dan logam pula kekal tidak berubah bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Manakala, terdapat sedikit peningkatan dalam indeks harga bahan ini bagi Terengganu & Kelantan (0.7%), Johor (0.3%) dan Miri (0.2%).

Perbandingan bulanan bagi simen juga turut menunjukkan indeks harga seunit bahan ini kekal tidak berubah bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada Februari 2024. Namun begitu, terdapat peningkatan kecil bagi indeks harga seunit bahan ini di Perak (0.4%) dan di Pulau Pinang, Kedah & Perlis (0.1%).

Perbandingan tahunan untuk tempoh Februari 2023 dan Februari 2024 menunjukkan indeks harga seunit simen meningkat antara 0.9 peratus hingga 10.2 peratus bagi kesemua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Namun begitu, penurunan kecil direkodkan dalam indeks harga seunit bahan ini di Kota Kinabalu (-0.7%) dan Kuching (-0.1%).

Perbandingan tahunan bagi indeks harga seunit besi pula menunjukkan penurunan antara negatif 0.2 peratus hingga negatif 5.3 peratus bagi Februari 2024 berbanding bulan yang sama tahun lalu. Namun begitu, kawasan yang mencatatkan peningkatan indeks harga seunit besi adalah di Johor (2.1%), Sibu (1.7%), Kota Kinabalu (0.5%).

Ketua Perangkawan Malaysia juga menyatakan bahawa purata harga simen (*Ordinary Portland*) di Malaysia kekal tidak berubah berbanding Januari 2024 dengan purata harga RM22.97 per 50 kg sekarung. Manakala purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* merekodkan peningkatan kecil (0.4%) dengan purata harga RM3,679.54 bagi setiap tan metrik berbanding bulan sebelumnya (Januari 2024: RM3,664.51 per tan metrik).

Bermula pada Januari 2024, Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan adalah diasaskan semula kepada Januari 2023 sama dengan 100 (January 2023=100). Perbandingan bulanan IKB (termasuk bar keluli) bagi semua kategori bangunan pada bulan Februari 2024 meningkat antara 0.1 peratus hingga 0.4 peratus bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia. Namun begitu, terdapat sedikit penurunan bagi IKB (termasuk bar keluli) antara negatif 0.1 peratus hingga negative 0.2 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Perak (kecuali tiada perubahan dalam indeks bagi kategori Bangunan Kayu, Cerucuk Kayu dan Cerucuk Konkrit Tetulang).

IKB (termasuk bar keluli) di Sabah juga menunjukkan peningkatan iaitu antara 0.1 peratus dan 0.9 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Kota Kinabalu pada Februari 2024 berbanding bulan sebelumnya. Manakala, indeks bagi hampir semua kategori bangunan di Sandakan dan Tawau pula kekal tidak berubah berbanding Januari 2024.

Perbandingan bulanan IKB (termasuk bar keluli) di Sarawak pada Februari 2024 menunjukkan peningkatan kecil dalam indeks iaitu 0.1 peratus hingga 0.3 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Kuching, Sibu dan Miri.

Menurut artikel dari laman sesawang World Bank pada Januari 2024, harga logam diramalkan akan turun lima peratus pada 2024, selepas susut hampir 10 peratus pada 2023 berbanding 2022. Namun begitu, ia diunjurkan akan kembali stabil pada tahun 2025. Risiko utama kepada ramalan harga ini antaranya adalah permintaan yang lebih perlahan daripada jangkaan dari China dan negara maju lain serta gangguan dalam pengeluaran. Artikel tersebut turut menyatakan peningkatan konflik terbaharu di Timur Tengah juga boleh mengganggu perdagangan dan kestabilan harga komoditi ini.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”


Kerajaan Malaysia telah mengisyiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Pangkalan Data Utama (PADU) telah diluncurkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercincir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut:


- ii) Jabatan Perangkaan Malaysia : 1-800-88-7720 / 1-800-88-7721
- iii) Pertanyaan secara online melalui SISPAA: <https://padu.spab.gov.my>.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 8 Mac 2024

Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Januari 2023 – Februari 2024



Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, Januari 2023 – Februari 2024



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
8 MAC 2024**



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
BUILDING COST INDEX, MALAYSIA
FEBRUARY 2024**

The price index of steel recorded an increase between 0.1 per cent to 1.9 per cent in February 2024

PUTRAJAYA, March 8, 2024 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, FEBRUARY 2024, today. This release provides the unit price index of major building materials and the Building Cost Material Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said that the unit price index of steel recorded an increase between 0.1 per cent to 1.9 per cent for almost all areas in February 2024 as compared to January 2024. The highest increase in the unit price of steel were recorded in Kota Kinabalu (1.9%), followed by Terengganu & Kelantan and Sibu (0.7% respectively).

The Chief Statistician of Malaysia also mentioned that month-on-month comparison of the unit price index of steel and metal sections remained unchanged for most areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. Meanwhile, there was a slight increase in these materials price index for Terengganu & Kelantan (0.7%), Johor (0.3%) and Miri (0.2%).

The monthly comparison of cement also showed that the unit price index remained unchanged for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak in February 2024. However, there was a slight increase for these materials price index in Perak (0.4%) and Pulau Pinang, Kedah & Perlis (0.1%).

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, March 8, 2024

An annual comparison for the period of February 2023 and February 2024 showed that the unit price index of cement increased between 0.9 per cent and 10.2 per cent for all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. However, a slight decrease was recorded in the unit price index of these materials in Kota Kinabalu (-0.7%) and Kuching (-0.1%).

An annual comparison for price index per unit of steel showed a decrease between negative 0.2 per cent and negative 5.3 per cent for February 2024 as compared to the corresponding month of the previous year. However, the areas that record increases in price index per unit of steel were in Johor (2.1%), Sibu (1.7%) and Kota Kinabalu (0.5%).

The Chief Statistician of Malaysia further stated that the average price of cement (Ordinary Portland) in Malaysia remained unchanged as compared to January 2024 with an average price of RM22.97 per 50kg bag. Meanwhile, the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars recorded a slight increase (0.4%) with an average price of RM3,679.54 per metric tonne, as compared to the previous month (January 2024: RM3,664.51 per metric tonne).

Starting from January 2024, the Building Cost Material Index (BCI) by building category and region is rebased to January 2023 equals 100 (January 2023=100). The month on month of the BCI (with steel bars) for all building categories in February 2024 increased between 0.1 per cent to 0.4 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia. However, a slight decrease for BCI (with steel bars) between negative 0.1 per cent to negative 0.2 per cent for almost all building categories in Perak (except Timber Building, Timber Piling and Reinforcement Concrete Piling remained unchanged).

The BCI (with steel bars) in Sabah also showed a increase which are between 0.1 per cent and 0.9 per cent for almost all building categories in Kota Kinabalu in February 2024 as compared to the previous month. Meanwhile, the index for almost all building categories in Sandakan and Tawau remained unchanged as compared to January 2024.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, March 8, 2024

A monthly comparison of BCI (with steel bars) in Sarawak for February 2024 showed a slight increase in the index of 0.1 per cent to 0.3 per cent for almost all categories of buildings in Kuching, Sibu and Miri.

According to the article from World Bank's website in January 2024, metal prices are expected to fall five per cent in 2024, after declining nearly 10 per cent in 2023 as compared to 2022. Nevertheless, metal prices are projected to stabilise in 2025. Key risks to these price predictions include weaker-than-expected demand from China and advanced economies and disruptions in production. It further added that an escalation of the latest conflict in the Middle East could also disrupt trade and commodity price stability.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents of Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind from citizen centric initiatives implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31 March 2024. Please visit <https://www.padu.gov.my> for more information related to PADU or contact the following hotlines:

- ii) Department of Statistics Malaysia: 1-800-88-7720 / 1-800-88-7721
- iii) Online Enquiries through SISPAA: <https://padu.spab.gov.my>.

Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, January 2023 – February 2024





Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, January 2023 – February 2024



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
8 MARCH 2024**